



GARIS PANDUAN PERMOHONAN PENDAFTARAN *MYFOOD TAG*

Disediakan oleh:

**BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
EDISI DISEMBER 2022**

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
1. PENGENALAN	3
2. SKOP	3
3. DEFINISI	5
4. KRITERIA PERMOHONAN	7
5. PROSEDUR PERMOHONAN	8
6. PENDAFTARAN SECARA TERUS (<i>FAST TRACK</i>)	9
7. BAYARAN	10
8. PROSES KELULUSAN	10
9. TEMPOH SAH LAKU	11
10. PEMANTAUAN	11
11. PEMBAHARUAN	12
12. PENGGANTUNGAN DAN PEMBATALAN NOMBOR MYFOOD TAG	12
13. CARTA ALIR PROSES	13
14. PENGECUALIAN	13
15. PERTANYAAN	14
16. RUJUKAN	14
17. PENGHARGAAN	15

1.0 PENGENALAN

Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 (PPKM 2009) memperuntukkan keperluan bagi tuan punya, pemunya atau penghuni premis makanan mengadakan suatu sistem kebolehesanan makanan di premis makanan, di mana sistem ini mestilah berupaya mengenalpasti dari mana sumber makanan itu datang dan ke mana makanan itu diedarkan atau dijual pada mana-mana peringkat rantai tertentu di sepanjang rantai makanan. Selain itu, PPKM 2009 turut menggariskan kehendak-kehendak yang perlu dipatuhi bagi setiap premis makanan di sepanjang rantai makanan.

Selaras dengan keperluan yang diperuntukan dalam PPKM 2009, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah memperkenalkan Pendaftaran **MyFood Tag** sebagai satu mekanisma kawalan keselamatan makanan melalui sistem kebolehesanan makanan yang berkesan.

Garis panduan ini memberikan panduan mengenai prosedur permohonan Pendaftaran **MyFood Tag**.

Tujuan pendaftaran ini adalah sebagai salah satu mekanisma yang digunakan untuk membangunkan rantai pembekalan makanan yang selamat di setiap peringkat bagi setiap komoditi makanan. Premis makanan yang memenuhi kriteria yang ditetapkan berdasarkan garis panduan ini akan diberikan nombor Pendaftaran **MyFood Tag**.

2.0 SKOP

2.1. Garis panduan ini disediakan bagi membantu pengusaha premis makanan di setiap peringkat rantai makanan mengenai prosedur permohonan Pendaftaran **MyFood Tag** seterusnya mematuhi keperluan-keperluan yang diperuntukan di bawah Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009.

2.2. Garis panduan ini terpakai kepada mana-mana syarikat atau individu yang mempunyai premis makanan atau tidak dan terlibat di mana-mana peringkat rantaian atau aktiviti seperti berikut;

2.2.1 Pengimport

2.2.2 Rumah Sembelihan

2.2.3 Pusat pengumpulan

2.2.4 Gudang

2.2.5 Pemprosesan

2.2.6 Pengedar

2.2.7 Pemborong

2.2.8 Peruncitan

2.2.9 Pengeksport

2.2.10 Pengangkutan

2.3 Garis panduan ini juga hendaklah dibaca secara bersama dengan garis panduan berikut sebagai rujukan dan lain-lain garis panduan yang berkaitan sekiranya perlu:

2.3.1 Garis Panduan Kawalan Keselamatan Makanan Di Peringkat Rantaian: Gudang dan Pusat Pengumpulan

2.3.2 Garis Panduan Kawalan Keselamatan Makanan Peringkat Rantaian: Peruncit (*Retailer*)

2.3.3 Garis Panduan Kawalan Keselamatan Makanan Peringkat Rantaian: Pengangkutan

2.3.4 Garis Panduan Skim Pensijilan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI)

3.0 DEFINISI

Bagi tujuan pendaftaran ini, definisi berikut adalah terpakai:

3.1 KKM

Kementerian Kesihatan Malaysia

3.2 BKKM

Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan

3.3 JKN

Jabatan Kesihatan Negeri

3.4 PKD/ PKB / PKK

Pejabat Kesihatan Daerah / Bahagian / Kawasan

3.5 IPBKKM

Ibu Pejabat Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan

3.6 Premis

Sebarang bangunan atau khemah atau apa-apa struktur kekal atau sebaliknya bersama-sama dengan tanah dan bangunan, atau struktur lain yang terletak dan sebarang perkongsian tanah yang digunakan bagi penyediaan, pengawetan, pembungkusan, penyimpanan, pembawaan, pengedaran dan penjualan sebarang jenis makanan.

3.7 *MyFood Tag*

Nombor pendaftaran yang diberikan kepada premis makanan atau mana-mana peringkat yang terlibat di sepanjang rantai makanan dan memenuhi kriteria keselamatan makanan berdasarkan aktiviti pengendalian makanan secara spesifik.

3.8 Verifikasi

Penilaian berasaskan bukti, yang dilakukan secara bebas dan sistematik, dijalankan oleh individu terlatih, bagi mengenalpasti sama ada aktiviti

penghasilan produk makanan di sepanjang rantai pembekalan makanan mematuhi perundangan. Penilaian dilaksanakan secara efektif dan bersesuaian dalam mencapai objektif keselamatan makanan.

3.9 Pegawai Verifikasi

Terdiri daripada Pegawai Teknologi Makanan (PTM) / Penolong Pegawai Teknologi Makanan (PPTM) / Pegawai Kesihatan Persekitaran (PKP) dan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran (PPKP) yang bertugas di Kementerian Kesihatan Malaysia.

3.10 Verifikasi Lapangan (*On-site Verification*)

Verifikasi yang dijalankan di kawasan premis/ pengangkutan pihak yang diverifikasi merangkumi verifikasi terhadap aktiviti yang dilakukan dan rekod-rekod yang berkaitan.

3.11 Verifikasi Susulan (*Follow-up Verification*)

Verifikasi susulan adalah untuk mendapatkan bukti atau keterangan bahawa ketidakakuran telah diambil tindakan pembetulan yang memuaskan dan mematuhi Akta Makanan 1983, Peraturan-Peraturan Makanan 1985 dan Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009. Verifikasi susulan boleh dijalankan sama ada melalui verifikasi di lapangan atau berdasarkan dokumen atau rekod yang diberikan oleh pihak syarikat.

3.12 Senarai Semak Verifikasi

Senarai yang mengandungi elemen penilaian yang diperlukan dan dijadikan panduan semasa verifikasi bagi mewujudkan penilaian yang seragam.

3.13 Arahan Tindakan Pembetulan / *Corrective Action Request* (CAR)

Ketidakpatuhan yang didokumenkan oleh pegawai verifikasi dan memerlukan tindakan pembetulan yang memuaskan oleh pihak yang diverifikasi. Semua ketidakpatuhan/ CAR mestilah ditutup sebelum nombor Pendaftaran **MyFood Tag** diberikan.

3.14 Pensampelan

Pensampelan yang dijalankan oleh pegawai berkuasa Akta Makanan 1983, Kementerian Kesihatan Malaysia di premis pemohon untuk kelulusan Pendaftaran **MyFood Tag**, pemantauan KKM atau pada bila-bila masa mengikut keperluan.

4.0 KRITERIA PERMOHONAN

Pengusaha yang memohon pendaftaran **MyFood Tag** hendaklah memenuhi kriteria-kriteria berikut:

4.1 Syarikat membuat pendaftaran premis dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Peraturan 3, Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 (PPKM 2009). Pendaftaran boleh dibuat di laman sesawang <https://fosim.moh.gov.my> secara *online* (pendaftaran premis makanan hendaklah dalam tempoh sah laku pendaftaran).

4.2 Syarikat berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau Ordinan Kerajaan Tempatan 1961 (bagi Sabah dan Sarawak).

4.3 Premis mempunyai lesen atau kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau surat pengesahan daripada mana-mana agensi berkaitan (*jika berkenaan*).

4.4 Menyertakan Senarai Semak Dokumen Permohonan Pendaftaran **MyFood Tag** (Lampiran 2: BORANG KKM-RM-1/22), Borang Permohonan Pendaftaran **MyFood Tag** (Lampiran 3: BORANG KKM-RM-2/22) dan dokumen-dokumen berkaitan.

5.0 PROSEDUR PERMOHONAN

5.1 Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Permohonan dan Senarai Semak Permohonan Pendaftaran **MyFood Tag** (BORANG KKM-RM-1/22 dan BORANG KKM-RM-2/22) seperti di **Lampiran 2 dan 3** yang boleh diperolehi daripada:

- i. Ibu Pejabat PKKM, KKM;
- ii. Jabatan Kesihatan Negeri (JKN);
- iii. Pejabat Kesihatan Daerah / Bahagian / Kawasan (PKD/PKB/PKK); atau
- iv. Laman sesawang <http://fsq.moh.gov.my>

5.2 Set dokumen yang perlu dikemukakan adalah seperti berikut :

- i) Senarai Semak Dokumen Permohonan Pendaftaran **MyFood Tag** dan Borang Permohonan Pendaftaran **MyFood Tag** (BORANG KKM-RM-1/22 dan BORANG KKM-RM-2/22),
- ii) Salinan Slip Pendaftaran Premis Makanan KKM yang masih sah. Pendaftaran boleh dibuat melalui laman sesawang <http://fosim.moh.gov.my> secara *online*,
- iii) Salinan sijil pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau Ordinan Kerajaan Tempatan 1961 (bagi Sabah dan Sarawak),
- iv) Salinan lesen daripada pihak berkuasa tempatan atau surat pengesahan daripada mana-mana agensi kerajaan (*jika berkenaan*),
- v) Salinan sijil Program Jaminan Keselamatan Makanan daripada KKM yang masih sah; contoh: sijil MeSTI, sijil GMP, sijil HACCP (*jika ada*),
- vi) Salinan Lesen Punca Air Minuman Berbungkus/Air Mineral Semulajadi (AMB/AMS) atau Lesen Penyediaan Ais daripada KKM yang masih sah (*jika ada*),
- vii) Carta alir pemprosesan produk

- viii) Senarai jenis produk,
 - ix) Lampiran maklumat pengangkutan (*jika berkaitan*),
 - x) Lampiran senarai pembekal bahan mentah/produk berserta alamat lengkap (*sekiranya ruang tidak mencukupi*), dan
 - xi) Lampiran senarai pelanggan berserta alamat lengkap (*sekiranya ruang tidak mencukupi*)
- 5.3 Permohonan **LENGKAP** berserta set dokumen sokongan hendaklah dikemukakan kepada PKD/ PKB/ PKK di mana lokasi premis berada.
- 5.4 Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses dan dimaklumkan kepada pemohon. Pemohon perlu mengemukakan permohonan yang lengkap dengan kadar segera atau maksimum dalam tempoh 30 hari. Permohonan akan terbatal dengan sendirinya sekiranya melebihi tempoh yang telah ditetapkan.
- 5.5 Pemohon/ pengusaha premis makanan juga bertanggungjawab untuk mengemukakan maklumat pembekal dan pelanggan kepada Pejabat Kesihatan Daerah / Bahagian / Kawasan sekiranya terdapat **perubahan** maklumat tersebut setelah permohonan pendaftaran dibuat.

6.0 PENDAFTARAN SECARA TERUS (*FAST TRACK*)

- 6.1 Pendaftaran *MyFood Tag* layak diberikan secara terus (*fast track*) TANPA proses verifikasi dijalankan ke atas premis berikut :
- 6.1.1 Pemegang sijil MeSTI atau sijil GMP atau sijil HACCP yang dikeluarkan oleh KKM,
 - 6.1.2 Pemegang Lesen Air Minuman Berbungkus (AMB) dan Air Mineral Semulajadi (AMS) serta Lesen Penyediaan Ais yang dikeluarkan oleh KKM.

7.0 BAYARAN

Tiada bayaran dikenakan ke atas Pendaftaran **MyFood Tag**.

8.0 PROSES KELULUSAN

Sila rujuk Carta Alir Permohonan Pendaftaran **MyFood Tag** (Baru/Pembaharuan) seperti di **Lampiran 1**.

8.1 Semakan Permohonan

Permohonan yang diterima akan disemak, disahkan dan direkodkan.

8.2 Verifikasi Lapangan

8.2.1 Verifikasi premis akan dijalankan apabila permohonan lengkap diterima.

8.2.2 Sekiranya terdapat ketidakpatuhan, CAR akan dikeluarkan. Tindakan pembetulan perlu dilakukan oleh syarikat.

8.2.3 Pensampelan makanan oleh KKM akan dijalankan sekiranya perlu.

8.3 Verifikasi Susulan

8.3.1 Verifikasi susulan perlu dijalankan sekiranya maklum balas tindakan pembetulan yang diterima memerlukan verifikasi daripada pegawai verifikasi. Maklum balas tindakan pembetulan yang diterima melalui emel atau bukti bertulis adalah diterima sekiranya pegawai berpuas hati dan verifikasi susulan tidak perlu dijalankan.

8.3.2 Maklum balas tindakan pembetulan perlu dikemukakan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh verifikasi lapangan dijalankan. Dalam tempoh tersebut, pegawai perlu menghubungi pihak pemohon untuk memastikan tindakan pembetulan dijalankan oleh pemohon dan satu tarikh perlu ditetapkan jika verifikasi susulan perlu dijalankan.

8.3.3 Pemohon perlu memaklumkan kepada pegawai verifikasi sekiranya memerlukan tempoh lanjutan bagi melaksanakan tindakan pembetulan dengan mengemukakan justifikasi kelewatan melalui surat kepada

PKD/PKB/PKK atau JKN dalam masa dua (2) minggu sebelum tamat tarikh akhir tempoh tiga (3) bulan tersebut.

8.3.4 Semasa verifikasi susulan, pegawai verifikasi perlu mendapatkan bukti bergambar atau dokumen sokongan sebagai justifikasi tindakan pembetulan telah diambil.

8.3.5 Jika tiada maklumbalas diterima daripada pemohon, permohonan dianggap terbatal dengan sendirinya.

8.4 Laporan Akhir Verifikasi dan Dokumen Permohonan

Laporan akhir verifikasi akan disediakan oleh pegawai verifikasi. Laporan akhir verifikasi berserta set dokumen permohonan perlu dihantar ke JKN bagi tujuan semakan permohonan yang LENGKAP.

8.5 Pengesyoran Kelulusan Permohonan

Laporan akhir verifikasi dan set dokumen permohonan akan disemak dan disahkan oleh pegawai di JKN. Permohonan yang telah LENGKAP diterima akan disenaraikan di bawah Pengesyoran Kelulusan Permohonan sebelum dihantar ke Ibu Pejabat BKKM berserta maklumat kebolehesanan syarikat.

8.6 Kelulusan Pendaftaran

Senarai Pengesyoran Kelulusan Permohonan Pendaftaran **MyFood Tag** berserta maklumat kebolehesanan syarikat yang diterima akan disemak di Ibu Pejabat BKKM. Nombor Pendaftaran **MyFood Tag** akan diberikan kepada premis makanan yang memenuhi kriteria yang ditetapkan berdasarkan garis panduan ini.

9.0 TEMPOH SAH LAKU

Tempoh sah laku Pendaftaran **MyFood Tag** adalah tiga (3) tahun.

10.0 PEMANTAUAN

Pemantauan berkala akan dijalankan sekurang-kurangnya satu (1) kali dalam tempoh Pendaftaran **MyFood Tag** oleh pihak PKD/PKB/PKK atau JKN.

11.0 PEMBAHARUAN

Bagi tujuan pembaharuan, pemohon perlu mengemukakan Borang Permohonan Pendaftaran **MyFood Tag** (BORANG KKM-RM-2/22) yang telah LENGKAP diisi [sila rujuk Carta Alir Permohonan Pendaftaran **MyFood Tag** (Baru/Pembaharuan)] di **Lampiran 1**. Pembaharuan pendaftaran **MyFood Tag** perlu dibuat setiap tiga (3) tahun sekali dan permohonan perlu dikemukakan dalam tempoh tiga (3) bulan sebelum tamat tarikh sah laku.

12.0 PENGGANTUNGAN DAN PEMBATALAN NOMBOR MYFOOD TAG

12.1 Tindakan penggantungan akan diberikan sebelum Pendaftaran **MyFood Tag** dibatalkan.

12.2 Tempoh maksima penggantungan sijil adalah sehingga tiga (3) bulan untuk tindakan pembatalan dilaksanakan sepenuhnya.

12.3 Pendaftaran **MyFood Tag** boleh digantung atau dibatalkan atas sebab-sebab seperti berikut:

- 12.3.1 Tidak memperbaharui sijil setelah tamat tempoh.
- 12.3.2 Sekiranya didapati produk yang dihasilkan oleh pemegang sijil tidak mematuhi Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya.
- 12.3.3 Sekiranya didapati premis pemegang sijil tidak mematuhi Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya.
- 12.3.4 Penyalahgunaan logo **MyFood Tag** ke atas produk bukan makanan.
- 12.3.5 Premis makanan bertukar ke lokasi/ alamat lain.
- 12.3.6 Didapati premis telah menghentikan operasi.
- 12.3.7 Terdapat ketidakpatuhan yang belum ditutup melepasi tempoh tiga (3) bulan yang diberikan semasa verifikasi lapangan.
- 12.3.8 Melanggar atau tidak mematuhi mana-mana syarat yang ditetapkan oleh KKM dari semasa ke semasa.

12.3.9 Tindakan pembatalan sijil pendaftaran yang diputuskan oleh IPBKKM adalah muktamad dan tidak boleh diambil sebarang tindakan perundangan oleh pemohon.

12.4 Permohonan baru perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan alamat lokasi premis.

12.5 Pemohon perlu memaklumkan JKN atau PKD/PKB/PKK bagi tujuan pengekalan pensijilan bagi perkara seperti berikut:

12.5.1 Pertukaran nama syarikat.

12.5.2 Pertukaran pemilik syarikat.

12.5.3 Menjalankan pengubahsuaian major pada struktur atau reka bentuk bangunan.

13.0 CARTA ALIR PROSES

Carta alir proses pendaftaran **MyFood Tag** bagi permohonan baru atau pembaharuan adalah seperti di **Lampiran 1**.

14.0 PENGECUALIAN

14.1 Pihak BKKM berhak untuk membatalkan mana-mana permohonan yang tidak mengikut syarat-syarat yang ditetapkan.

14.2 Pihak BKKM boleh memberi kebenaran atau pengecualian ke atas garis panduan bagi kes-kes tertentu (*case by case*).

14.3 Ibu Pejabat BKKM berhak membuat apa-apa keputusan sekiranya perlu bagi kes-kes tertentu (*case by case*).

15.0 PERTANYAAN

Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut pihak pemohon boleh menghubungi :

Bil.	Bahagian / Jabatan / Pejabat /Alamat	No.telefon / Laman web / Emel
1	Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan Kementerian Kesihatan Malaysia Aras 4, Menara Prisma No.26, Jalan Persiaran Perdana Presint 3, 62590 Putrajaya	No. Tel : 03-8885 0797 No. Faks : 03-8885 0798 Laman web : <i>http://fsq.moh.gov.my</i> Emel : myfoodtag.bkkm@moh.gov.my
2	Jabatan Kesihatan Negeri	Lampiran 4

16.0 RUJUKAN

- i. Akta Makanan 1983 & Peraturan-Peraturan Makanan 1985
- ii. Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009
- iii. Garis Panduan Skim Pensijilan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI)
- iv. Garis Panduan Kawalan Keselamatan Makanan di Peringkat Rantaian: Gudang dan Pusat Pengumpulan
- v. Garis Panduan Kawalan Keselamatan Makanan di Sepanjang Rantaian: Pengangkutan
- vi. Garis Panduan Kawalan Keselamatan Makanan di Sepanjang Rantaian: Peruncitan

PENGHARGAAN

Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pegawai-pegawai berikut yang bertanggungjawab dalam membangunkan Garis Panduan ini.

Penaung

Puan Norrani binti Eksan

Penasihat

En. Mahamad Sukor bin Senapi

Ketua Editor

Pn. Tosiah binti Abdullah

Editor

Ts. Mazliza binti Ramli

Cik Teh Fuziana binti Amiruddin

Turut Membantu

En. Muhammad Muhayudeen bin Musa, JKN Perak

Pn. Azatul Lela binti Ramli, JKN Johor

Pn. Nor Azura Binti Ja'afar, JKN Negeri Sembilan

Cik Azimah Binti Alias, JKN Johor

Pn. Juzaida Binti Jamaludin, JKN Perlis

Cik Siti Zubaidah Bt Ahmad Johari, JKN Kedah

En. Wan Mohd Nazri bin Wan Mohd Izzuddin, JKN Melaka

Cik Chennie Shiela Wong, JKN Sabah

Pn. Nurhaida binti Abdul Malek, PKK Tuaran, Sabah

En. Mohamad Faez bin Haji Adenan, JKN Sarawak

En. Naqib Safiuddin bin Meli, JKN Terengganu


Pn. Syairani Edlyana Bt Dzulkifli, JKN Pulau Pinang

Cik Mashita Binti Mustakin, JKN Selangor

Pn. Aida Fariyah Binti Mansor, JKN Pahang


**CARTA ALIR PERMOHONAN PENDAFTARAN MYFOOD TAG
(BARU/PEMBAHARUAN)**

1. Peringkat PKD/PKB/PKK




GARIS PANDUAN PERMOHONAN PENDAFTARAN MYFOOD TAG

2. Peringkat JKN



3. Peringkat Ibu Pejabat PKK



BORANG KKM-RM-1/22



**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN
Senarai Semak Dokumen Permohonan Pendaftaran *MyFood Tag***

Nama Syarikat :

Alamat Syarikat:

Jenis Permohonan : *(sila tandakan ✓ di kotak yang berkaitan)*

Baru

Pembaharuan

Tambahan Pengangkutan

Tambahan Gudang

Bil	Perkara	Sila tandakan (✓) atau (X)		
		Pemohon	PKD/PKB/PKK	JKN
1	Borang Permohonan (BORANG KKM-RM-2/22)			
2	Salinan Slip Pendaftaran Premis KKM (<i>masih dalam tempoh sahlaku</i>)			
3	Salinan Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau Ordinan Kerajaan Tempatan 1961 (bagi Sabah dan Sarawak)			
4	Salinan Lesen daripada Pihak Berkuasa Tempatan atau Surat Pengesahan daripada Mana-Mana Agensi Kerajaan (<i>jika berkenaan</i>)			
5	Salinan Sijil Program Jaminan Keselamatan Makanan daripada KKM yang masih sah (<i>jika ada</i>)			
6	Salinan Lesen Punca Air Minuman Berbungkus/Air Mineral Semulajadi (AMB/AMS) atau Lesen Penyediaan Ais daripada KKM yang masih sah (<i>jika ada</i>)			
7	Carta Alir Pemprosesan Produk			
8	Senarai Jenis Produk			
9	Senarai Pembekal Bahan Mentah/Produk Beserta Alamat Lengkap			
10	Senarai Pelanggan Beserta Alamat Lengkap			
11	Dokumen sokongan lain yang diperlukan (<i>sekiranya berkaitan</i>): <i>sila rujuk garis panduan spesifik di peringkat rantaian atau lain-lain garis panduan sekiranya berkaitan.</i>			

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PENDAFTARAN MYFOOD TAG

Untuk Kegunaan Pejabat (PKD/PKB/PKK/JKN)

Tarikh Terima (**Peringkat PKD/ PKB/ PKK**):

Status Permohonan : Lengkap Tidak Lengkap

Tarikh Lengkap :

Tarikh Terima (**Peringkat JKN**):

Status Permohonan : Lengkap Tidak Lengkap

Tarikh Lengkap :

Sila tandakan di ruang berkaitan bagi kecukupan dokumen berikut:

BIL	SENARAI SEMAK / BORANG / DOKUMEN BERKAITAN	KOD SENARAI SEMAK / BORANG	Sila tandakan (✓) bagi dokumen berkaitan	
			PKD/PKB/PKK	JKN
1	Senarai Semak Verifikasi Pendaftaran <i>MyFood Tag</i> (Peringkat Gudang/Pusat Pengumpulan)	BORANG KKM-RM-3/22/1		
2	Senarai Semak Verifikasi Pendaftaran <i>MyFood Tag Bagi Daging dan Hasil Daging</i> (Peringkat Rumah Sembelih)	BORANG KKM-RM-3/22/2		
3	Senarai Semak Verifikasi Pendaftaran <i>MyFood Tag Bagi Kacang dan Hasil Kacang</i> (Peringkat Gudang dan Pusat Penyimpanan/Pemprosesan)	BORANG KKM-RM-3/22/3		
4	Senarai Semak Verifikasi Pendaftaran <i>MyFood Tag Bagi Susu dan Hasil Susu</i> (Peringkat Pemprosesan)	BORANG KKM-RM-3/22/4		
5	Senarai Semak Verifikasi Pendaftaran <i>MyFood Tag</i> (Peringkat Peruncitan)	BORANG KKM-RM-3/22/5		
6	Senarai Semak Verifikasi Pendaftaran <i>MyFood Tag</i> (Peringkat Pengangkutan)	BORANG KKM-RM-4/22		
7	Borang Pengauditan Pensijilan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri - MeSTI (Peringkat Pemprosesan Secara Umum)	Rujuk Borang Pengauditan MeSTI		
8	Borang Permintaan Tindakan Pembetulan (CAR) Verifikasi Pendaftaran <i>MyFood Tag</i>	BORANG KKM-RM-5/22		
9	Laporan Akhir Verifikasi Pendaftaran <i>MyFood Tag</i>	BORANG KKM-RM-6/22		
10	Laporan keputusan analisis (fizikal, bakteriologi, kimia) produk (jika ada)	-		

Akuan Penerimaan (Peringkat PKD/PKB/PKK):	Akuan Penerimaan (Peringkat JKN):
<p>.....</p> <p>Tandatangan Pegawai</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan:</p>	<p>.....</p> <p>Tandatangan Pegawai</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan:</p>



**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN
Borang Permohonan Pendaftaran *MyFood Tag***

BAHAGIAN A: MAKLUMAT PERMOHONAN

JENIS PERMOHONAN : (sila tandakan ✓ di kotak yang berkaitan)

- | | |
|--------------------------------------|--|
| <input type="checkbox"/> BARU | <input type="checkbox"/> TAMBAHAN PENGANGKUTAN |
| <input type="checkbox"/> PEMBAHARUAN | <input type="checkbox"/> TAMBAHAN GUDANG |

PERINGKAT RANTAIAN (sila tandakan ✓ di mana-mana kotak yang berkaitan)

- | | | |
|--|--|--|
| <input type="checkbox"/> RUMAH SEMBELIHAN | <input type="checkbox"/> PENGANGKUTAN | <input type="checkbox"/> PERUNCIT |
| <input type="checkbox"/> PUSAT PENGUMPULAN | <input type="checkbox"/> PENGEDAR
(SYARIKAT PENGANGKUTAN SAHAJA) | <input type="checkbox"/> PEMBORONG |
| <input type="checkbox"/> GUDANG | <input type="checkbox"/> PENGEDAR (TIADA PENGANGKUTAN) | <input type="checkbox"/> LAIN-LAIN (NYATAKAN): |
| <input type="checkbox"/> PEMROSESAN | Catatan: [contoh middleman] | |

Sekiranya syarikat juga terlibat dalam peringkat rantaian berikut, sila tandakan ✓ di kotak berkaitan:

- | | |
|-------------------------------------|--------------------------------------|
| <input type="checkbox"/> PENGIMPORT | <input type="checkbox"/> PENGEKSPORT |
|-------------------------------------|--------------------------------------|

SILA ISI MAKLUMAT BERIKUT DALAM HURUF BESAR

1. NAMA SYARIKAT (untuk cetakan sijil)			
2. ALAMAT SURAT-MENYURAT			
3. ALAMAT PREMIS (untuk cetakan sijil)			
4. NAMA PEMOHON		5. NO. TELEFON BIMBIT PEMOHON	
6. NAMA PEMILIK & NO. KAD PENGENALAN			

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PENDAFTARAN MYFOOD TAG

7. NO.TELEFON PEJABAT		8. EMEL SYARIKAT	
------------------------------	--	-------------------------	--

9. PENSIJILAN PROGRAM JAMINAN KESELAMATAN MAKANAN SEDIA ADA (MeSTI, GMP, HACCP) DAN/ ATAU PELESENAN (AMB / AMS/ AIS) DARIPADA KKM

ADA
 TIADA

Sila nyatakan :.....

(Jika ada, sila lampirkan salinan sijil)

10. MAKLUMAT GUDANG (jika berkaitan)

BIL.	ALAMAT (diisi sekiranya berlainan daripada lokasi premis)

11. MAKLUMAT PENGANGKUTAN (sekiranya ada)

BIL	NO. PENDAFTARAN KENDERAAN	JENIS KENDERAAN (Cth : Van / Lori / Tank / Refregeration Truck dll)	PEMILIKAN (SENDIRI / SEWA)

Sila sertakan lampiran jika tidak mencukupi

12. SEKIRANYA PENGANGKUTAN ADALAH SEWAAN, SILA ISIKAN MAKLUMAT SYARIKAT SEWAAN (jika berkaitan):

BIL	NAMA SYARIKAT	ALAMAT SYARIKAT	NO. TEL / EMEL

BAHAGIAN B : MAKLUMAT PRODUK

13. KATEGORI KOMODITI MAKANAN YANG TERLIBAT SEPERTI YANG TERTAKLUK DALAM PERATURAN-PERATURAN MAKANAN 1985 (TANDA ✓ PADA YANG BERKENAAN)	BIJIRIN, HASIL BIJIRIN, KANJI DAN ROTI	
	MALT DAN EKSTRAK MALT	
	BAHAN PENGUDARA MAKANAN	
	SUSU DAN HASIL SUSU	
	BAHAN PEMANIS	
	KONFEKSI	
	DAGING DAN HASIL DAGING	
	IKAN DAN HASIL IKAN	
	TELUR DAN HASIL TELUR	
	SARANG BURUNG YANG BOLEH DIMAKAN DAN HASIL SARANG BURUNG YANG BOLEH DIMAKAN	
	LEMAK MAKAN DAN MINAYK MAKAN	
	SAYUR-SAYURAN DAN HASIL SAYUR-SAYURAN	
	SUP DAN STOK SUP	
	BUAH-BUAHAN DAN HASIL BUAH-BUAHAN	
	JEM, JELI BUAH, MARMALAD DAN SERI KAYA	
	KEKERAS DAN HASIL KEKERAS	
	TEH, KOPI, CIKORI DAN HASIL YANG BERKAITAN	
	KOKO DAN HASIL KOKO	
	SUSU KOCAK	
	GARAM DAN REMPAH	
	CUKA, SOS, CUTNI DAN JERUK	
	MINUMAN RINGAN	
	AIR MINERAL SEMULAJADI	
	AIR MINUMAN BERBUNGKUS	
	MINUMAN BERALKOHOL	
	MINUMAN BERALKOHOL YANG DINYAHALKOHOL	
	SYANDI	
	MAKANAN BERTUJUAN KHAS	
	AIS	
	PELBAGAI (SILA NYATAKAN:.....)	

Sila lampirkan maklumat senarai produk berserta cop syarikat bagi tujuan pengesahan maklumat

BAHAGIAN C : SENARAI PEMBEKAL

NAMA SYARIKAT :

BIL	JENIS BAHAN MENTAH / JENIS PRODUK	NAMA PEMBEKAL	ALAMAT PEMBEKAL	NO. TEL / EMEL

Sila sertakan lampiran jika ruang tidak mencukupi berserta cop syarikat bagi tujuan pengesahan maklumat

BAHAGIAN D: SENARAI PELANGGAN

(sila tandakan ✓ pada yang berkaitan)

PASARAN TEMPATAN

EKSPORT

BIL	NAMA PELANGGAN	ALAMAT PELANGGAN	NO. TEL / EMEL	PERINGKAT RANTAIAN : (CTH: PEMBORONG / PERUNCIT / PENGEDAR/ PENGANGKUTAN)

Sila sertakan lampiran jika ruang tidak mencukupi berserta cop syarikat bagi tujuan pengesahan maklumat

BAHAGIAN E: PENGESAHAN PERMOHONAN

Saya dengan ini mengaku bahawa semua maklumat yang dikemukakan bersama permohonan ini adalah benar /
I declared that all information submitted with this application is true

TANDATANGAN PEMILIK/PEMOHON

NAMA :

JAWATAN :

TARIKH :

COP RASMI SYARIKAT:

**SENARAI BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN,
JABATAN KESIHATAN NEGERI**

- | | |
|---|---|
| <p>1. Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan,
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis,
Tingkat 8, Bangunan Wisma Persekutuan,
Persiaran Jubli Emas,
01000 Kangar,
Perlis Indera Kayangan.
Tel: 04-9766989/04-9777599
Faks: 04-9767419/9776369
http://jknperlis.moh.gov.my</p> | <p>2. Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan,
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah,
Jalan Simpang Kuala,
05400 Alor Setar,
Kedah Darul Aman
Tel: 04-7741000/04-7741015
Faks: 04-7741022
http://jknkedah.moh.gov.my</p> |
| <p>3. Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan,
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang
Tingkat 35 & 37, KOMTAR,
10590 Pulau Pinang.
Tel: 04-2625533/04-2017245
Faks: 04-2263371
http://jknpenang.moh.gov.my</p> | <p>4. Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan
Jabatan Kesihatan Negeri Perak
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,
30590 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.
Tel: 05-2084200
Faks: 05-2550740
http://jknperak.moh.gov.my</p> |
| <p>5. Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan,
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor,
Tingkat 27, Wisma MBSA,
Persiaran Perbandaran,
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan,
Tel: 03-55182121
Faks: 03-55185194/55185195
http://www.jknselangor.moh.gov.my</p> | <p>6. Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan,
Jabatan Kesihatan WP Kuala Lumpur,
Jalan Cenderasari,
50590 Kuala Lumpur,
Wilayah Persekutuan.
Tel: 03-22687333/22687361
Faks: 03-22687555
http://jknkl.moh.gov.my</p> |
| <p>7. Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan,
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan,
Jalan Rasah,
70300 Seremban,
Negeri Sembilan Darul Khusus.
Tel: 06-7664800 / 06-7625231
Faks: 06-7638543
http://jknns.moh.gov.my</p> | <p>8. Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan,
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka,
Tingkat 5, Wisma Persekutuan,
Jalan Business City, Bandar MITC,
75450 Ayer Keroh, Melaka.
Tel: 06-2345959
Faks: 06-2345969
http://jknmelaka.moh.gov.my</p> |

9. Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan,
Jabatan Kesihatan Negeri Johor,
Hospital Permai Lama,
Jalan Persiaran Permai,
81200 Johor Bharu, Johor Darul Takzim.
Tel: 07-2231102 / 2372110
Faks: 07-2367278
<http://jknjohor.moh.gov.my>
10. Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan,
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang,
Jalan IM4, Bandar Indera Mahkota,
25582 Kuantan,
Pahang Darul Makmur.
Tel: 09-5707750/09-5707999
Faks: 09-5707798/5178497
<http://jknpahang.moh.gov.my>
11. Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan,
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu,
Kuala Terengganu Business Centre
(KTBC),
Jalan Sultan Mohamad,
21100 Hiliran Kuala Terengganu,
Terengganu Darul Iman.
Tel: 09-6226028
Faks: 09-6221385
<http://jknterengganu.moh.gov.my>
12. Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan,
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan ,
Aras 7, Bangunan KWSP, Jalan Padang
Garong,
15000 Kota Baharu,
Kelantan Darul Naim.
Tel: 09-7416736/7413353
Faks:09-7471890
<http://jknkelantan.moh.gov.my>
13. Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan,
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
Jalan Tun Abang Haji Openg,
93590 Kuching,
Sarawak.
Tel: 082-237835/237837/237853
Faks: 082-258849/237837
<http://jknsarawak.moh.gov.my>
14. Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan,
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah ,
Tingkat 5, Wisma BSN Sabah,
Jalan Kemajuan, Karamuning,
88000 Kota Kinabalu Sabah
Tel: 088-248201/203/205
Faks: 088-248215
<http://jknsabah.moh.gov.my>
15. Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan,
Jabatan Kesihatan WP Labuan,
Peti surat 80832,
87018 Wilayah Persekutuan Labuan.
Tel: 087-596000 / 087-411702
Faks: 087-419011(Kesihatan Awam)
<http://jknlabuan.moh.gov.my>